

23/08/1999

Kejayaan di Brunei hasil semangat 'Malaysia Boleh'

Abu Munir

KEJAYAAN negara di Sukan Sea di Brunei baru-baru ini adalah suatu sejarah besar buat negara. Kejayaan Sukan Sea ini dianggap yang terbaik sejak negara terbabit dalam kejohanan besar di rantau Asia Tenggara ini.

Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin mulai melakukan sentuhan emas sebaik saja menerajui kementerian itu pada 1995. Dalam Sukan Sea di Jakarta 1997, Malaysia merangkul 55 pingat emas. Kejayaan Malaysia dianggap sebagai menebus maruah negara dalam persembahan buruk negara dalam Sukan Sea sebelum ini. Malah, dalam Sukan Sea di Jakarta juga dianggap sebagai sejarah dan rekod buat negara kerana itulah buat pertama kalinya Malaysia mampu merangkul begitu banyak pingat emas di luar Malaysia.

Sentuhan emas semakin tersinar dengan kejayaan negara menganjurkan dan menunjukkan persembahan terbaik dalam temasya Sukan Komanwel yang lalu. Meskipun rakyat pada mulanya meragui kemampuan negara menganjurkan sukan terbesar ini, akibat beberapa isu dalaman, terbukti akhirnya Sukan Komanwel yang lalu dianggap sebagai kejohanan yang paling bersejarah dan terbaik pernah dianjurkan. Rangsangan dan suntikan semangat 'Malaysia Boleh' yang dikumandangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membolehkan segala-galanya menjadi kenyataan. Malah Malaysia juga mencipta sejarah dengan kemampuan memperolehi 10 pingat emas - sesuatu yang tidak pernah dijangkakan.

Sentuhan emas sekali lagi dicipta apabila Malaysia menunjukkan kemampuan cemerlang dalam Sukan Asia di Kota Bangkok pada 1998. Ramalan yang menyatakan Malaysia tidak berkemampuan meraih banyak pingat juga meleset. Malaysia juga berjaya memperolehi pingat emas yang terbanyak dan ia satu sejarah paling gemilang buat negara.

Sebagai seorang pemerhati dan peminat sukan tanah air, saya percaya kemampuan negara adalah disebabkan perancangan teliti dan terbaik serta kepimpinan yang cemerlang dan bertanggungjawab. Sebagai rakyat Malaysia marilah sama-sama kita memberi hormat kepada Perdana Menteri di atas suntikan semangatnya bahawa Malaysia Boleh; dan Muhyiddin yang sentiasa serius dengan kerjanya meskipun kadang-kadang terlalu mahal dengan senyuman.